Novel, buku terjemahan, dijangka 'hangat' di PBAKL

Oleh Paya Linda Yahya - Mei 20, 2024 @ 1:22pm
bhsastera@bh.com.my



Foto hiasan. - Foto fail NSTP

KUALA LUMPUR: Apa genre yang mungkin mendominasi Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) sepanjang penganjurannya pada 24 Mei hingga 2 Jun nanti?

Jika sebelumnya naskhah genre penyembuhan (healing) mendapat sambutan hangat hingga pembaca sanggup berbaris panjang demi mendapatkan tandatangan penulis, adakah kita akan melihat suasana serupa tahun ini?



Ainunl Muaiyanah

Pengurus jualan dan pemasaran, Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) Ainunl Muaiyanah Muhammad Sulaiman, berkata bagi PBAKL kali ini, IBDE memfokuskan buku-buku terjemahan antarabangsa ke dalam bahasa Melayu.

"Ketika ini, kami sudah lihat wujudnya permintaan yang sangat tinggi untuk buku-buku terjemahan dalam bahasa Melayu, terutama buku berbentuk biografi tokoh utama dunia termasuk naskhah geopolitik.

"Selain itu kami turut memberi tumpuan kepada karya dari alam Melayu membabitkan pengkaji dunia Melayu. Naskhah begini kami terjemahkan ke bahasa Melayu," katanya.

Ainunl Muaiyanah berkata, untuk edisi PBAKL kali ini, IBDE bakal memperkenalkan karya agung Imam Ghazali iaitu 'Ihya Ulumuddin' yang ini masih dalam proses terjemahkan membabitkan keseluruhan jilidnya.

Naskhah itu katanya, adalah kali pertama dipersembahkan dalam bahasa Melayu.

Berkongsi mengenai proses terjemahan itu, beliau berkata ia dilakukan berperingkat dan untuk PBAKL nanti, hanya lima jilid pertama daripada 20 jilid keseluruhan akan tersedia.

Terjemahan Ihya Ulumuddin

Katanya, usaha yang dilakukan pihak IBDE itu untuk memberi peluang kepada pembaca mengenali lebih dekat karya agung dunia tanpa halangan bahasa bagi mencerna idea-idea tokoh besar dunia.

Tegas Ainunl Muaiyanah, walaupun naskhah "Ihya Ulumuddin" dilihat sebagai satu judul yang berat, namun dengan gaya bahasa dan persembahan buku yang baik, beliau yakin ia akan mampu menarik minat pembaca untuk terus menggarap idea yang ingin disampaikan penulis.

"Bagi terjemahan di peringkat editorial, kami mengambil langkah untuk melakukan terjemahan yang berbentuk moden, tetapi akan tetap setia kepada karya asal.

"Judul yang berat kalau kena dengan persembahan buku yang menarik, berkulit keras serta harga yang berpatutan boleh menarik pembaca untuk membeli dan melabur untuk buku yang sedikit mahal tetapi berkualiti," katanya.

Tegas Ainunl Muaiyanah, hal itu perlu diambil kira kerana umumnya pembaca di Malaysia lebih teliti dalam memiliki buku apa yang inginkan.

Hal ini katanya terkait dengan faktor kekangan masa selain kecenderungan untuk membaca buku lebih berkualiti.



Fatin Syamimy Liana - Foto BERNAMA

Sementara itu bagi Ketua Pegawai Eksekutif Iman Media Group, Fatin Syamimy Liana Badaruddin, berkata

PBAKL umumnya akan menghimpunkan pelbagai genre buku.


Katanya dalam konteks lebih luas, PBAKL adalah ruang penerbit dari universiti misalnya mempamerkan buku-buku dan hasil kajian mereka yang jarang dapat diakses masyarakat umum.

"Pada masa kini, pembaca ataupun pembeli memang mempunyai banyak alternatif yang lain untuk membeli buku.

"Mereka bukan sahaja boleh membeli menerusi laman dagang yang menawarkan pelbagai genre buku tetapi PBAKL masih memberi peluang yang baik untuk pembaca selain acara perbukuan yang cukup menarik," katanya.

Hal ini tegas Fatin Syamimy Liana disebabkan oleh peluang yang ditawarkan PBAKL adalah naskhah berbentuk fizikal.

Katanya secara umum, sebagai manusia, tentunya peluang menikmati karya fizikal lebih menarik perhatian. Malah PBAKL adalah peluang untuk penulis dan pembaca berinteraksi, dan ia adalah satu perkara yang sangat baik untuk menyuburkan budaya pembacaan buku.



Antara karya terjemahan yang mendapat permintaan tinggi

Sementara itu berkongsi mengenai genre buku yang mungkin mendominasi PBAKL kali ini, beliau berkata berdasarkan kajian pasaran yang dilakukan Iman Media Group bermula Februari lalu, genre novel masih akan kekal mendominasi pasaran.

Bagaimanapun katanya ia tidak terhad kepada novel bahasa Melayu sahaja tetapi juga bahasa Inggeris.

"Hal ini berdasarkan data yang kami peroleh semasa penganjuran Pesta Buku Kelantan baru-baru ini dan Pesta Buku Antarabangsa Selangor tahun lalu.

"Untuk PBAKL kali ini kami mengeluarkan 12 judul baharu dan tiga daripadanya adalah novel, dua buku 'selfhelp', lima komik serta dua buku aktiviti kanak-kanak.

"Untuk komik, tiga daripadanya adalah sambungan daripada siri komik Gaza. Komik Gaza ini adalah komik yang kita dah keluarkan beberapa tahun yang lalu dan sentiasa mendapat sambutan daripada komik yang pertama," katanya.

Tegas Fatin Syamimy Liana Badaruddin, kali ini Iman akan mengeluarkan serentak tiga komik Gaza, yang disifatkan sebagai buah tangan istimewa.

"Karya ini adalah usaha membangkitkan kesedaran umum secara berterusaan berkenaan isu Palestin yang masih lagi berlaku selepas hampir tujuh bulan, jadi inilah juga niat kami apabila kita mengeluarkan komik Gaza," katanya.

PBAKL edisi ke-41 yang dijadualkan bermula 24 Mei hingga 2 Jun ini akan diadakan Pusat Dagangan Dunia (WTC) KL. Ia adalah anjuran Kementerian Pendidikan melalui Majlis Buku Kebangsaan Malaysia dan beberapa persatuan industri tempatan.

Untuk penganjuran kali ini, sebanyak 972 pempamer termasuk 14 dari luar negara antaranya dari Singapura, Thailand, Filipina, India, China, Taiwan dan Iran akan mengambil bahagian. Jumlah itu bertambah berbanding 814 pada tahun lalu.